



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Ketua Unit/ Pengarah Wilayah/ Pengurus Stesen
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 21 November 2008

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BIL 23 TAHUN 2008 ANGGOTA YANG BERMASALAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, modal insan adalah aset bagi memacu peningkatan imej sesuatu organisasi. Anggota yang bermasalah akan menyebabkan bukan hanya imej organisasi tercemar tetapi juga memberi kesan kepada produktiviti organisasi.
3. Sehubungan itu pihak Pengurusan telah membuat keputusan supaya semua Ketua Unit/ Pengarah Wilayah/ Pengurus Stesen mengenal pasti anggota yang bermasalah dari unit/wilayah/stesen tuan/puan, serta mengambil tindakan yang perlu untuk menyelesaikan masalah tersebut.
4. Tuan/Puan diminta memaklumkan kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia nama anggota, masalah yang mereka hadapi serta tindakan yang telah diambil untuk rekod dan tindakan susulan.
5. Sukacita perkara ini diberikan perhatian sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"

(ROSNA BT ABD RAZAK)

s.k: Pejabat Ketua Pengarah
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian